



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**DEMOKRATISASI SURUHANJAYA REID: DAMPAK
SIGNIFIKAN KEPIMPINAN PARTI PERIKATAN**

*THE DEMOCRATIZATION OF THE REID COMMISSION: THE SIGNIFICANCE
OF ALLIANCE PARTY'S LEADERSHIP*

Mohd Sohaimi Esa^{1*}, Irma Wani Othman^{2*}, Romzi Ationg^{3*}, Mohd Azri Ibrahim^{4*}, Sharifah Darmia Sharif Adam⁵, Jais Abdul Hamid⁶ & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin^{7*}

- ¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msahaimi@ums.edu.my
 - ² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my
 - ³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my
 - ⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mohdazri@ums.edu.my
 - ⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: shdarmia@ums.edu.my
 - ⁶ IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah
Email: jahwin2009@gmail.com
 - ⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mnhidayath_h@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021
Revised date: 15.02.2021
Accepted date: 15.03.2021
Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Adam, S. D. S., Hamid, J. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Demokratisasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. *International Journal*

Abstrak:

Menjelang kemerdekaan, pemimpin Parti Perikatan masih gagal mencapai kata sepakat dalam beberapa isu kontroversi seperti kerakyatan, bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Masalah ini kemudiannya diserahkan kepada suruhanjaya bebas dengan harapan akan wujud keadilan untuk semua kaum di Tanah Melayu. Susulan itu, kerajaan British dan Raja-Raja Melayu telah bersetuju untuk membentuk sebuah suruhanjaya bebas, yakni Suruhanjaya Reid untuk merangka draf Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka pada bulan Mac 1956. Justeru itu, dengan menggunakan pendekatan/metod sejarah melalui analisis dokumen sejarah yang diperolehi dari Public Records Office, London dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, manuskrip ini membincangkan tentang signifikan dampak kepimpinan Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid. Antara hal yang dibincangkan termasuklah dilema yang dihadapi oleh pemimpin Parti

of Law, Government and
Communication, 6 (23), 157-170.

DOI: 10.35631/IJLGC.6230011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Perikatan dalam mencari kesepakatan dalam beberapa isu sensitif, serta rupa bentuk negara bangsa yang ingin dihasilkan selepas merdeka. Selain itu, perbahasan antara delegasi Parti Perikatan dengan Suruhanjaya Reid juga diberikan perhatian dalam perbincangan ini. Sehubungan itu, manuskrip ini mendapati bahawa kewibawaan serta sikap tolak ansur yang ditunjukkan oleh pemimpin Parti Perikatan memberikan dampak usul itu dapat diterima dengan baik oleh Suruhanjaya Reid. Hal ini penting kerana menerusi usul ini juga ia menjadi nadi kepada pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menjurus kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Kata Kunci:

Suruhanjaya Reid, Parti Perikatan, Memorandum Perlembagaan

Abstract:

By independence, the leader of the Alliance Party has failed to reach a consensus on some controversial issues such as citizenship, the national language, and the special position of the Malays. Such matter was later handed over to an independent commission with the hopes that all races in Malaya will be fairly treated. Subsequently, the British government and the Malay Rulers were agreed to the formation of an independent commission namely the Reid Commission draw up a draft of Independent Malaya's Constitution in March 1956. By applying a historical approach/method through an analysis of historical documents sought from the Public Records Office, London, and the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur, this paper discusses the significance of the Alliance Party leadership in the Reid Commission. This paper also discusses the dilemma faced by the Alliance Party leaders in seeking the consensus on the number of issues, including the key characteristics of a nation-state they intended to create after the independence. Moreover, debates between the delegation of the Alliance Party and the Reid Commission have also been given due attention. Accordingly, the study found that the credibility, as well as the tolerance shown by the leaders of the Alliance Party significantly, made the Reid Commission accepts the motion of independence. This is crucial as it was a key to the creation of the Federation of Malaya Constitution that led to the independence of Malaya in 1957.

Keywords:

Reid Commission; Alliance Party; Constitutional Memorandum

Pendahuluan

Selepas Pilihanraya Persekutuan 1955, Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC yang mewakili kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India didapati masih gagal untuk mencapai kata sepakat dalam beberapa isu dianggap 'sensitif' dan boleh menimbulkan kontroversi. Antaranya termasuklah kedudukan Raja-raja Melayu, soal kerakyatan, bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Masalah ini kemudiannya diserahkan kepada suruhanjaya bebas dengan harapan wujud demokratisasi keadilan untuk semua kaum dengan tidak tertakluk kepada tekanan dan desakan daripada rakyat Tanah Melayu. Susulan itu, kerajaan British dan Raja-Raja Melayu telah bersetuju untuk membentuk sebuah suruhanjaya bebas yang kemudiannya dikenali sebagai Suruhanjaya Reid untuk merangka draf Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka pada bulan Mac 1956. Justeru itu, makalah ini membincangkan signifikan kepimpinan Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid. Persoalannya, apakah delima yang dihadapi oleh pemimpin Parti Perikatan, khususnya dalam proses menggubal perlembagaan Tanah Melayu? Bagaimanakah pemimpin Parti Perikatan

mencari penyelesaian agar isu-isu sensitif dan rupa bentuk negara bangsa dapat diputuskan dengan sebaiknya? Adakah cadangan delegasi Parti Perikatan tersebut diterima oleh Suruhanjaya Reid? Dengan beberapa persoalan inilah antara yang menarik untuk dibincangkan dan dibahasakan di sebalik pembentukan Suruhajaya Reid tersebut.

Metodologi

Dalam konteks metodologi kajian, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah mengikut disiplin sejarah. Maka metodologi kajian disiplin ini bersifat kualitatif yang diadunkan dengan perbincangan secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009). Hal ini sesuai dengan tajuk artikel yang membincangkan peristiwa penting lagi bersejarah di Malaysia, yakni tentang Parti Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Oleh itu, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpulkan sumber berbentuk primer dan sekunder. Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejaraan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Pada prinsipnya, tujuan kajian sejarah dilihat secara falsafah untuk 'self-knowledge' dengan tanpa ada unsur bias dalam membuat penafsiran terhadap sesuatu peristiwa (Rowse, 1963; Gungwu, 1968). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif (Carr, 1962; Collingwood, 1993). Justeru itu, sumber primer termasuklah laporan, dokumen dan akhbar sezaman diberikan perhatian dalam kajian ini. Sumber primer dalam kajian ini diperolehi dari arkib, khususnya dari Public Record Office, London (The National Archives, United Kingdom). Antara dokumen terpenting termasuklah Fail CO (Records of the Colonial Offices, Commonwealth and Foreign and Commonwealth Offices, Empire Marketing Board and Related Bodies, 1950- 1962) yang antara lain menyentuh tentang perbincangan antara delegasi pemimpin Parti Perikatan dengan Suruhajaya Reid.

Sumber primer juga diperolehi dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Sumber berkenaan termasuklah laporan, dokumentasi akhbar sezaman yang berkaitan dengan peristiwa berkenaan yang dilihat begitu penting untuk membandingkan dengan sumber daripada pihak British. Sebagai contoh, Fail UMNO dan Parti Perikatan, serta akhbar sezaman seperti *Berita Harian*, (1956-1957) dan *The Straits Times* (1956-1957). Sementara sumber sekunder pula digunakan dalam kajian ini seperti buku dan artikel dalam jurnal yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan Parti Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Daripada kedua-dua jenis sumber ini, maka pengkaji akan menjelaskan sebab musabab peristiwa itu berlaku, serta membuat tafsiran terhadap peristiwa berkenaan agar huraiannya lebih bersifat objektif dan saintifik. Sesungguhnya, peristiwa penglibatan pemimpin Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid penting untuk dikaji apatah lagi dalam konteks merangka draf Perlembagaan Tanah Melayu sebagai persediaan ke arah kemerdekaan.

Sebagaimana yang dituntut oleh Parti Perikatan, kerajaan British dan Raja-Raja Melayu telah bersetuju untuk membentuk sebuah suruhanjaya bebas pada bulan Mac 1956. Pembentukan suruhanjaya ini adalah untuk merangka draf Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka. Suruhanjaya ini terdiri daripada tokoh-tokoh perundangan dari beberapa buah negara Komanwel iaitu Lord William Reid, seorang hakim British yang terkenal sebagai Pengerusi; Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William McKell (Australia), Hakim B. Malik (India) dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan) (*Report of the Federation of Malaya Constitutional Conference Held in London in January and February, 1956*). Latar belakang ahli-ahli Suruhanjaya Reid boleh dilihat dalam fail, CO 1030/136 (7) Reid Commission Constitutional Documents yang menunjukkan ketokohan mereka dalam aspek perundangan dan perlembagaan dari beberapa buah negara Komenwel. (*The Straits Times*, 18 Julai 1956).

Sementara wakil dari Kanada digugurkan atas sebab masalah kesihatan. Suruhanjaya ini lebih dikenali sebagai Suruhanjaya Reid dengan dibantu oleh H.P. Hall (Setiausaha) dan K.J. Henderson (Penolong Setiausaha) (*The Straits Times*, 9 Mac 1956). Jelaslah bahawa langkah untuk merangka perlembagaan dilakukan dengan segera selepas keputusan Rundingan London, yakni selang sebulan ahli delegasi pemimpin utama Persekutuan Tanah Melayu pulang ke tanah air (Mohd Sohaimi, Dayu dan Budi, 2011; Mohd Sohaimi, 2020)

Dapatan dan Perbincangan

Dilema Parti Perikatan di sebalik Suruhanjaya Reid

Pada dasarnya, pemimpin-pemimpin Parti Perikatan lain sepakat untuk melantik suruhanjaya bebas tersebut bagi mengelakkan proses kemerdekaan negara terbantut. Parti Perikatan yang terdiri dari UMNO, MCA dan MIC terpaksa berhadapan dengan delima untuk mencapai kata sepakat dalam beberapa isu sensitif dan kontroversi seperti kerakyatan, bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Masalah itu diserahkan kepada suruhanjaya bebas dengan harapan akan wujud keadilan untuk semua kaum dengan tidak tertakluk kepada tekanan dan desakan daripada rakyat Tanah Melayu. Namun begitu, perlantikan suruhanjaya bebas ini telah menimbulkan kontroversi di kalangan parti-parti lawan ketika itu, termasuklah Parti Negara dan PAS (Ramlah, 1992; Ramlah 1996; Dayu, Mohd Sohaimi, Yusten dan Budi, 2015)

Rumusan disebalik perlantikan Suruhanjaya Reid itu didapati Parti Perikatan tidak mampu menyelesaikan masalah dasar negara sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Sepatutnya pemimpin Parti Perikatan telah dapat menunjukkan kematangan dan kekuatannya dalam menyelesaikan masalah dasar negara tersebut sebelum merdeka lagi. Menurut Ramlah (1997) tindakan mereka itu telah menjatuhkan nilai kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri dan 'anti climax' kepada kemerdekaan. Persoalannya, adakah perkara ini dianggap sebagai suatu kelemahan pemimpin Parti Perikatan? Perkara inilah yang menarik untuk dibincangkan di sebalik pembentukan Suruhajaya Reid.

Penubuhan Suruhanjaya Reid telah menjadikan pemimpin utama Parti Perikatan, Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak bertambah sibuk kerana dalam tempoh yang sama mereka perlu menguruskan dua perkara penting untuk persediaan negara menuju ke arah kemerdekaan. Pertama, menggubal dasar pendidikan kebangsaan, kemudiannya dikenali sebagai Penyata Razak. Kedua, mereka perlu bekerja keras untuk menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC tentang kedudukan dan peranan Suruhanjaya Reid. (*Malaya Merdeka*, 22 Mac 1956) Di samping itu, mereka adalah antara pemimpin yang terlibat dalam menyediakan memorandum Perikatan untuk dikemukakan kepada pihak suruhanjaya ini.

Dalam konteks UMNO, sebagai parti terbesar di Tanah Melayu, Tun Abdul Razak dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Politik UMNO yang bertanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji segala pandangan dari setiap Bahagian dan Cawangan UMNO berkaitan dengan cadangan perlembagaan sebelum dipanjangkan ke Jawatankuasa Sementara Perikatan (*Alliance Ad Hoc Political Committee*). Hasilnya, Jawatankuasa Sementara Perikatan telah mengambil beberapa keputusan antaranya membentuk sebuah kerajaan pusat yang berwibawa dengan memiliki bidang kuasa bersama dengan kerajaan negeri; pemilihan ketua negara antara Sultan dari negeri-negeri Melayu, serta melantik governor untuk negeri Melaka dan Pulau Pinang; isu kerakyatan dalam perlembagaan; di

samping isu keistimewaaan orang Melayu. (CO1022/245, Savingram from Officer Administering the Government for the Federation of Malaya to Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya Monthly Political Report for May 1956, 8 Jun 1956).

Sesungguhnya, keputusan Jawatankuasa Siasah UMNO itu dapat dianggap sebagai titik tolak kepada penerimaan UMNO terhadap prinsip *jos soli* dan kelonggaran kerakyatan, terutamanya untuk orang Cina dan India di Tanah Melayu. Sebelum ini, UMNO bersungguh-sungguh mempertahankannya supaya syarat kewarganegaraan diperketatkan seperti yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Ordinan Kewarganegaraan 1952. Pada dasarnya, Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak sebagai pemimpin tertinggi UMNO sedar dengan langkah yang telah diambilnya itu (UMNO/SUA 10/61, Minutes of Alliance *ad-hoc* Political Sub-committee meeting, 14 March 1957).

Sesungguhnya, keputusan itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan, tetapi sesuatu yang telah dirancang sejak dari awal-awal lagi. Bagi mereka berdua, UMNO perlu akur dengan perubahan dan tuntutan semasa apabila perlu menerima prinsip *jus soli* bagi memenuhi tujuan Perlembagaan Parti Perikatan (Fail: UMNO/SUA, 154/56, Alliance 1956). Itulah juga yang dituntut oleh kerajaan British dan orang bukan Melayu, terutamanya tekanan dari MCA (SP45/1029, Minutes of MCA *ad-hoc* Political Sub-Committee Meeting, 5 April 1957, Tan Siew Sin Papers). Dengan keputusan jawatankuasa itu juga akan memudahkan lagi proses perundingan di antara UMNO dengan MCA dan MIC dalam usaha membentuk Memorandum Perikatan untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid. Selain itu, langkah UMNO ini sebagai tanda untuk menunaikan janji Manifesto Perikatan dalam pilihan raya 1955 (Manifesto Perikatan, 'Politik'. *Menuju Kearah Kemerdekaan*, 1955).

Pendek kata, keputusan jawatankuasa tersebut turut menggambarkan sikap terbuka pemimpin UMNO dalam isu kerakyatan. Aspirasi Perikatan menyulami diri dan perasaan pemimpin UMNO, terutamanya Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak. Namun begitu, perkara ini tidak semestinya menggambarkan kesediaan ahli-ahli UMNO untuk menerimanya secara mutlak (UMNO/SUA 154/156, Minutes of Alliance *ad-hoc* Political Sub-committee Meeting, 2 April 1957). Justeru itu, keputusan jawatankuasa itu tidak dibincangkan secara terbuka dalam Mesyuarat Agung UMNO. Pemimpin utama UMNO telah mengjangkakan risiko yang terpaksa dihadapi oleh mereka. Apapun usaha ke arah kemerdekaan merupakan prioriti pemimpin UMNO dan Perikatan. Langkah ini adalah yang terbaik untuk berunding dengan kerajaan British dalam tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu.

Di peringkat Parti Perikatan pula, Jawatankuasa Sementara Perikatan (*Alliance Ad Hoc Political Committee*) yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak telah ditubuhkan untuk menyediakan draf memorandum perlembagaan tersebut (Ibrahim, 1981). Dari jawatankuasa sementara ini, dua jawatankuasa lagi diwujudkan untuk membuat draf mengikut tajuk-tajuk yang telah ditetapkan.

Pertama, jawatankuasa yang terdiri daripada pemimpin tertinggi ketiga-tiga komponen parti dalam Perikatan, yakni UMNO, MCA dan MIC untuk membincangkan isu-isu yang dikategorikan sebagai sensitif dan bersifat perkauman, iaitu kerakyatan, bahasa dan hak istimewa orang Melayu. Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak sebagai pemimpin tertinggi UMNO terlibat dalam jawatankuasa pertama ini. Selain mereka, UMNO diwakili oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Ismail Mohammad Ali, Mohammad Khir Johari, Abdul Khir

Shamsuddin, Abdul Aziz Ishak dan Mohammad Daud. Sementara MCA diwakili oleh H.S. Lee, Leong Yew Koh, Ong Yoke Lin, Tan Siew Sin, Dr. Lim Chong Eu, Ng Ek Teong, Too Joon Hing, Yong Pung How dan T.H. Tan. MIC pula diwakili oleh V.T. Sambanthan, K. Ramanathan, K.L. Devaser, B. Kaher Singh, V. Manickavasagam dan A. Krishnadas (Heng, 1988; Fernando, 2002).

Kedua, sebuah jawatankuasa untuk membincangkan struktur dan fungsi kerajaan, bidang kuasa kerajaan negeri dan Persekutuan, serta badan kehakiman. Jawatankuasa ini memberikan fokus kepada rupa bentuk pentadbiran dan pemerintahan negara ini selepas merdeka. Jawatankuasa ini terdiri daripada dua orang pemimpin tertinggi daripada setiap ketiga-tiga parti dalam Parti Perikatan. UMNO diwakili oleh Abdul Kadir Samsuddin dan Senu Abdul Rahman; Ong Yoke Lin dan Y.C. Kang mewakili MCA; sementara MIC pula diwakili oleh K. Ramanathan dan A. Krishna Dass (PH/A/008/18, MCA Files. *The Alliance Second Working Party on Constitutional Problems met on 16 July, 19 July, 24 July, 30 July and 3 August 1956*).

Pada dasarnya, pengagihan tugas ini dilakukan untuk memudahkan dan melancarkan lagi tanggungjawab Parti Perikatan dalam usaha menyediakan memorandum tersebut. Selepas rundingan ini, semua usul itu dibawa ke dalam Jawatankuasa Pusat atau Majlis Tertinggi parti masing-masing untuk penapisan terakhir, sebelum ia dibawa semula dan diputuskan di dalam Majlis Kebangsaan Perikatan (*Alliance National Council*). Pada dasarnya, strategi membentuk dua jawatankuasa tersebut yang melibatkan pemimpin tertinggi UMNO, MCA dan MIC telah membawa kepada memorandum pemuafakatan terhadap beberapa isu yang perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid (Ibrahim, 1981).

Penglibatan Pemimpin Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid

Suruhanjaya Reid telah bermesyuarat sebanyak 118 kali antara bulan Jun hingga Oktober 1956. Sepanjang tempoh tersebut, pihak suruhanjaya telah menerima sebanyak 131 memorandum dan lebih seratus majlis dialog diadakan dengan pelbagai pertubuhan politik, dewan perniagaan, badan-badan sosial dan orang perseorangan. Namun begitu, Memorandum Perikatan adalah yang terakhir diterima oleh Suruhanjaya Reid. Memorandum ini disampaikan oleh satu rombongan Parti Perikatan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman, serta terdiri daripada Tun Abdul Razak, Mohammad Khir Johari, Senu Abdul Rahman, V.T. Sambanthan, Bong Pang Hwa, Ng Ek Tiong dan Ramanathan pada 27 September 1956 (CO 889/6, ff 241-247, 'Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party': Summary record (no. CC 2167) of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956). Memorandum Perikatan ini dikenali sebagai "*Testament 'Amanah' Politik Perikatan*" (UMNO/SUA 28A/1957, Testamen Amanah Politik Perikatan, Cadangan-cadangan Penyata Reid dan Syor Pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957). Sesungguhnya, delegasi ini mencerminkan unsur pemuafakatan dan erti 'perpaduan' antara kaum menerusi pemimpin Parti Perikatan sepertimana yang diharapkan oleh British untuk persediaan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan.

Pada dasarnya, terdapat beberapa perkara yang gagal untuk dicapai kesepakatan antara pemimpin UMNO dengan MCA dan MIC dalam memorandum Perikatan tersebut (Tan, 1957). Perkara yang tidak dapat diputuskan adalah berkaitan dengan nama negara, kerakyatan dan bahasa yang dipanjangkan kepada pihak Suruhanjaya Reid. Secara ringkasnya, butir-butir Memorandum Perikatan yang gagal untuk capai kata sepakat antaranya ialah UMNO mahukan negara ini dipanggil "Malaysia", sementara MCA ingin mengekalkan nama "Malaya". Seterusnya, selepas kemerdekaan, orang asing yang ingin menjadi warganegara mestilah

memenuhi syarat-syarat kelayakan, termasuklah menguasai Bahasa Melayu. Syarat kebolehan bahasa itu patutlah dilepaskan bagi selama tempoh satu tahun dari tarikh kemerdekaan itu. Sungguhpun begitu, MIC lebih suka tempoh itu ditetapkan untuk dua tahun. Begitu juga, UMNO menimbang tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam pentadbiran kerajaan patutlah diteruskan setakat tempoh sepuluh tahun atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Undangan. MCA dan MIC pula menimbang agar penggunaan bahasa Inggeris, Kuo-Yu dan Tamil di dalam Majlis-majlis Mesyuarat dengan kebenaran daripada Pengerusi atau Speaker bagi tempoh sekurang-kurangnya sepuluh tahun (*CO 889/6, ff 219-239, 'Political testament of the Alliance': Memorandum by Tunku Abdul Rahman for the Reid Commission. Appendix: 'Fundamental Rights'. 25 September 1956*).

Pemimpin Parti Perikatan sedar tentang masalah kesepakatan sukar untuk dicapai sepenuhnya, maka pembentukan suruhanjaya bebas itu penting sebagai langkah terbaik untuk menyelesaikan masalah berkenaan agar usaha kemerdekaan tidak terjejas. Langkah ini dilakukan agar terdapatnya keadilan bagi semua pihak yang terlibat. Selain menghantar memorandum, suatu majlis dialog telah diadakan di antara rombongan Parti Perikatan dengan Suruhanjaya Reid di Kuala Lumpur. Perbincangan lanjut tentang memorandum tersebut dilihat begitu penting kepada kedua-dua belah pihak. Bagi Suruhanjaya Reid, Memorandum Perikatan perlu diambil perhatian utama berbanding dengan memorandum-memorandum lain kerana kedudukan Parti Perikatan yang bakal menerajui kerajaan pada masa hadapan. Justeru itu, pihak suruhanjaya perlu mendapatkan penjelasan di atas sebarang kemuskilan daripada memorandum tersebut. Sementara Parti Perikatan pula tentulah mahu memorandum yang dikemukakan itu dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak Suruhanjaya Reid.

Semasa majlis dialog tersebut berlangsung, terdapat beberapa perbahasan yang menarik untuk diketengahkan dalam perbincangan ini. Antara ahli rombongan Parti Perikatan yang paling aktif adalah Tun Abdul Razak. Hal ini sememangnya diharapkan oleh Tunku Abdul Rahman sungguhpun beliau sebagai ketua rombongan memandangkan Tun Abdul Razak mahir dalam selok belok perundangan dan perlembagaan (Ramlah, 1994; Mohd Sohaimi, 2020). Hal ini berasaskan kelulusan dan pengalaman Tun Abdul Razak berkaitan dengan bidang tersebut. Beliau berkelulusan Pengajian Undang-Undang dari Lincoln's Inn of Court, London dan Ahli di dalam Persatuan Kehormat Lincoln's Inn pada 9 September 1947 dan diiktiraf sebagai peguam setelah berjaya memperolehi "*Degree of an Utter Barrister*" pada 3 Mei 1950. (Mohd Sohaimi, 2020) Justeru itu, Tun Abdul Razak banyak membantu rombongan ini dalam menjawab beberapa isu yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya Reid. Antaranya termasuklah di bawah topik Ketua Negara, Dewan Negara, Dewan Rakyat, Bidang Kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, Kewarganegaraan dan Hak Istimewa Orang Melayu, serta Badan Kehakiman. Untuk perbincangan, hanya dilihat beberapa perbahasan penting yang dijawab oleh Tun Abdul Razak bagi mewakili rombongan Parti Perikatan. Pendek kata, Tun Abdul Razak menjadi jurucakap kepada rombongan ini.

Semasa membincangkan topik Ketua Negara, Tun Abdul Razak menjelaskan secara rasional kepada Suruhajaya Reid tentang peranan raja-raja Melayu sepertimana berikut:

"They can discuss matters concerning the Muslim religion and Malay custom, but they cannot discuss any matters of administration unless they want to interest themselves in such matters;

but their decisions will not binding. They will be constitutional Rulers” (CO 889/6, Verbatim report of Alliance hearing before the Commission, 27 September 1956).

Sementara perlantikan timbalan kepada Yang di-Pertuan Besar atau penggantinya telah dijawab oleh Tun Abdul Razak sepertimana dalam laporan di bawah ini:

“The Chairman refered to the Alliance proposal that when the new Yang di- Pertuan Besar was appointed there should also be appointed at the same time a successor. Others seemed to think that it would be better to have a deputy so that when the term of office of the first Head of State came to an end there would be a fresh appointment and not merely a succession. Dato Abdul Razak said that it did not matter whether the person concerned was described as a deputy or as a successor. What was required was someone who could replace the Yang di-Pertua Besar at short notice” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Bagi perlantikan Ketua Negeri untuk Melaka dan Pulau Pinang, Tun Abdul Razak membayangkannya sepertimana dalam laporan berikut:

“Dato Abdul Razak said the Alliance were thinking on the lines of the Queen and the Governor-General of the Dominions. At present there was a Resident Commissioner in each Settlement and he was the representative of the High Commissioner. He thought that constitutionally the Executive Council would advise the Ruler and that the Ruler would delegate his powers to the representative. After further discussion, however, the Alliance representatives agreed that, although the Yang di-Pertuan Besar would be the Head of the Settlements, he would appoint his representatives there who would exercise the same power as the Sultan in the States and who would give assent to Settlement legislation. They thought that the representatives should be appointed for periods of five years at a time”(CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Semasa dibangkitkan isu tentang Dewan Negara, Tun Abdul Razak telah menjelaskan kepada pihak Suruhajaya Reid sebagaimana berikut:

“Dato’ Razak replied that the intention was prevent the state having too much say. The term of office in the Upper House would be for five years and the nominees might have to be changed when a new Government came into office. The expression “those who reflect the national pattern life in the country, including racial minorities” was intended to include racial minorities, representatives of important commercial interests and elder statement or prominent people appointed in thier own right” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Sementara berkaitan dengan Dewan Rakyat pula, Tun Abdul Razak memberi penerangan kepada pihak suruhanjaya sepertimana di bawah ini:

“Dato’ Razak said that the Alliance proposal was the membership of the Lower House should be fully elected. There should be no nominated members. Minorities and special interests would

be represented in the Upper House. Dato' Razak said that those interests were protected because the Upper House was to be allowed to initiate legislation" (CO 889/6, ff 241-247, 'Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party': Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Walau bagaimanapun, dua topik berikut iaitu, kewarganegaraan dan Hak Istimewa Orang Melayu sangat menarik untuk diketengahkan dalam perbincangan ini. Kedua-dua topik ini dikatakan sebagai isu "hangat" yang bakal mengundang isu kontroversi dan menjadi nadi kepada perlembagaan negara ini. Persoalannya, bagaimanakah reaksi Tun Abdul Razak sebagai jurucakap Parti Perikatan dalam kedua-dua perkara tersebut ketika memberikan penjelasan kepada Suruhanjaya Reid? Dalam konteks kewarganegaraan, Tun Abdul Razak berusaha mempertahankan kewarganegaraan tunggal sebagaimana yang terkandung dalam memorandum Perikatan. Isu ini dibangkitkan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Lord Reid apabila status kerakyatan bagi mereka yang dilahirkan di Melaka dan Pulau Pinang menimbulkan tanda tanya. Tun Abdul Razak telah menjelaskan bahawa,

"There are two status. They are, at the moment, British subjects, but with the independence of Malaysia, they must declare themselves to be nationals of the new country. And then after they are new nationals, they can become Commonwealth citizens, whereas if they want to remain as British subjects, then they are not national of the new country" (CO 889/6, ff 281-290, [Constitutional commission and the Alliance submission]: transcript of hearing, 27 September 1956). Idea beliau itu kemudiannya disokong oleh Ketua Rombongan yang juga Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman yang membawa kepada keputusan yang memuaskan di pihak Suruhajaya Reid. Lihat sebagaimana laporan kerajaan British di bawah ini:

"The Chief Minister said that the object was to unite the people of Malaya with one common nationality. It was undesirable that the people of the Settlement could be in a position to claim special rights above those accorded to Federal citizens. The Chairman pointed out that with regard to aliens becoming citizens of the Federation there were difficulties in asking them to renounce their foreign citizenship. They could be asked to declare that they would not exercise any rights conferred upon them by their foreign citizenship. Dato Abdul Razak agreed that such a declaration would be satisfactory" (CO 889/6, ff 241-247, 'Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party': Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Berhubung dengan Hak Istimewa Orang Melayu pula, Tun Abdul Razak sudah menduga daripada awal lagi bahawa isu ini dibangkitkan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Lord Reid. Lihat sahaja petikan dialog mereka di bawah ini:

"Chaiman (Reid): Now we come to the special position of the Malays. The points which I would like to have... (interrupted). Dato' Razak: On the question of the special position of the Malays, there is added a provision for review, and we suggested 15 years after the declaration of independence" (CO889/6, C.C. 2167, Verbatim report of the Alliance hearing before the Commission, 27 September 1956, hlm. 287; CO 889/6, ff 281-290, [Constitutional commission and the Alliance submission]: transcript of hearing, 27 September 1956; The Straits Times, 27 Ogos 1956).

Berdasarkan petikan di atas, Tun Abdul Razak sebagai jurucakap Parti Perikatan memperlihatkan ketegasan dalam menangani isu tersebut. Malah beliau telah memberikan jawapan panjang lebar dalam usaha mempertahankan Hak Istimewa Orang Melayu sehingga dapat diterima dengan baik oleh pihak Suruhanjaya Reid. Ringkasan laporan kehendak Tun Abdul Razak, mahupun Parti Perikatan dalam majlis dialog itu sepertimana berikut:

“Dato Abdul Razak said the Alliance wished to add a proviso to their memorandum that the position should be reviewed 15 years after independence. He agreed that the Yang di-Pertuan Besar would have the constitutional, not personal, responsibility in this matter and that the same would be true of the Rulers in their States with regard to matters affecting the States, such as Malay reservation. Continuing, he said that it was not the intention generally that there should be any substantial increase in the present rights and privileges of Malays, but that, in certain cases, they should be increased; e.g., in business and trade where the Malays now had very few permits, It was however important that the legitimate rights of other communities would not be affected” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Petikan di atas menggambarkan sikap Tun Abdul Razak sebagai wakil Parti Perikatan yang begitu bersungguh-sungguh dalam mempertahankan Hak Istimewa Orang Melayu. Walaupun begitu, cadangan untuk dikaji semula ketika 15 tahun selepas kemerdekaan yang dikemukakan oleh Tun Abdul Razak itu bakal mengundang kontroversi, terutamanya daripada parti-parti Melayu lain seperti Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat Malaya (PRM) (Surat Persendirian Hassan Adli SP 28/A/9-PAS 1955-1958, Surat Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Agung PAS; SP 28/A/18, Surat Persendirian Hassan Adli, Kongres PAS 1962-1964, Memorandum Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) kepada Suruhanjaya Bebas; Ramlah, 1994; Mohd Sohaimi, 2020).

Semasa perbincangan di bawah tajuk Badan Kehakiman, Tun Abdul Razak telah menyentuh perkara berikut:

“The Chairman said that if arrangements were being made for the establishment of a Judicial Service Commission, in making their recommendations, should know what legislation the Government contemplated. Dato Abdul Razak said that the Government’s proposals for legislation would be made known to the Commission. At the London Conference it was agreed that there should be provision for the appointment of a Public Service Commission, a Judicial Service Commission and a Police Service Commission” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Sebagai mantan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar Pahang, Tun Abdul Razak telah menggunakan pengalamannya untuk menjelaskan isu tanah apabila dibangkitkan oleh pihak suruhanjaya sepertimana berikut:

“Dato’ Razak agreed that when land was required for federal purposes the Federal Government wished to pay the necessary fees and to receive title. When the land in question was no longer needed for federal purposes there was no objection to its reverting to the state provided that appropriate payment was made by the state. Payment would be by

negotiation” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Seperkara lagi yang penting adalah berkaitan dengan Menteri Besar yang dapat dijelaskan dengan baik oleh Tun Abdul Razak sepertimana laporan berikut:

“The Chairman asked whether the Menteri Besar would hold office at the pleasure of the Ruler or of the Council of State. Dato Abdul Razak said that he must hold office at the pleasure of the Ruler. Elucidating their proposals for this, the Alliance representatives agreed that before the next State Elections provision would have to be made for an elected majority in the Councils of State and for the Menteri Besar to be approved by those majorities. The Rulers would then have to make the necessary alterations to their State Constitutions to provide for fully elected Councils at an early date. The Rulers should also withdraw gradually from the Executive Council” (CO 889/6, ff 241-247, ‘Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party’: Summary record [no. CC 2167] of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956).

Jika berdasarkan kepada setiap jawapan Tun Abdul Razak tersebut, jelaslah bahawa beliau turut memainkan peranan besar dalam majlis dialog antara delegasi Perikatan dengan Suruhanjaya Reid. Pada dasarnya, pengalaman luas dalam pentadbiran di peringkat negeri dan persekutuan juga telah banyak membantunya untuk memberikan jawapan yang dapat menyakinkan pihak suruhanjaya. Natiujahnya, bukan sahaja kredibiliti Tun Abdul Razak, tetapi pemimpin Perikatan telah berjaya membuktikan bahawa wujud kesepakatan dalam kalangan mereka kepada Suruhanjaya Reid. Mereka telah membuktikan bahawa wujud kerjasama dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum tersebut. Keadaan ini mengukuhkan lagi bahawa sememangnya wujud perpaduan pemimpin dan rakyat sepertimana yang telah dibuktikan dalam Pilihanraya Umum tahun 1955. Dengan itu, ini memberikan keyakinan kepada pihak British untuk mempercepatkan lagi proses kemerdekaan negara ini.

Setelah mendapatkan penjelasan, Suruhanjaya Reid telah menjadikan Memorandum Perikatan sebagai landasan terpenting dalam menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya, Report of the Constitutional Commission, 1957*). Suruhanjaya ini menganggap Memorandum Perikatan paling seimbang dan menyeluruh berbanding dengan memorandum yang lain (Vorys, 1975). Pada bulan Oktober 1956, Suruhanjaya Reid telah meninggalkan Tanah Melayu ke Rom untuk meneruskan usaha bagi menyediakan laporan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Kota Rom, Itali telah dipilih sebagai tempat perbincangan suruhanjaya dalam usaha menyiapkan laporan perlembagaan tersebut (CO1030/522, *Report of the Constitutional Commission Federation of Malaya, 36/49/09; Fernando, 2002*).

Setelah menunggu hampir empat bulan, Laporan Suruhanjaya Reid akhirnya berjaya diterbitkan dan diisytiharkan pada bulan Februari 1957. Suruhanjaya dalam laporannya telah menyatakan rasa terhutang budi kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya kepada pemimpin Parti Perikatan. Secara kasarnya, laporan suruhanjaya ini mengandungi asas-asas dan syarat-syarat bagi penubuhan sebuah kerajaan Pusat (*Central Government*). Antara lain termasuklah bidang kuasa kerajaan pusat dan kerajaan negeri, memelihara kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai Raja yang berpelembagaan di negeri masing-masing, Ketua Negara Persekutuan dipilih di antara Raja-raja Melayu, kerakyatan, memelihara hak

istimewa orang Melayu dan hak kaum-kaum lain (Federation of Malaya, *Report of the Constitutional Commission*, perenggan 9; Ibrahim Mahmood, 1981; Mohd Sohaimi, 2020) Pada dasarnya, Laporan Suruhanjaya Reid banyak mengambil cadangan Memorandum Perikatan dengan beberapa pindaan. Sesetengah cadangan pula diambil dari Memorandum Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu, manakala yang lain adalah hasil pertimbangan suruhanjaya itu sendiri (*The Straits Times*, 21 Februari 1957).

Rumusan

Analisis makalah ini secara kritis menelaah dinamika pelibatan pemimpin Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid yang merungkai rasional di sebalik percaturan kesetiaan, persoalan prinsip dan dilema dalam mencari kesepakatan negara bangsa. Argumentasi utama analisis yang diketengahkan menjurus kepada tiga persoalan pokok iaitu pertama, dilema yang dihadapi oleh pemimpin Parti Perikatan, khususnya dalam proses menggubal Perlembagaan Persekutuan; kedua bagaimanakah pemimpin Parti Perikatan mencari penyelesaian agar isu-isu sensitif dan rupa bentuk negara bangsa dapat diputuskan dengan sebaiknya; dan ketiga adakah cadangan delegasi Parti Perikatan tersebut diterima oleh Suruhanjaya Reid.

Proses demokratisasi masyarakat sivil harus belajar memfokuskan transformasi politik di mana rakyat Malaysia mempunyai kesedaran bahawa negara ini adalah milik mereka bersama berasaskan nilai, bahasa, adat dan tradisi; yakin dengan pemerintah yang dipilih, dan menghormati hak kedaulatan Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan tuntutan ke atas penentuan nasib sendiri dan autonomi bagi setiap bangsa, yang menjadi fokus utama nasionalisme meletakkan relevansi pelibatan pemimpin Parti Perikatan dalam Suruhanjaya Reid sebagai landskap sejarah politik tanah air yang berjalan atas landasan etika dan memberi implikasi murni kepada keseluruhan aspek pembentukan tamadun Malaysia hari ini.

Akhir kalam, makalah ini merumuskan bahawa pencirian kematangan politik di Malaysia harus mengeneppikan status quo rejim politik di mana kerajaan dan rakyat berganding bahu dalam menangani kemelut dilema negara secara penuh iltizam dalam menggalas tanggungjawab, dengan berlandaskan persepsi kita sebagai sebuah negara-bangsa. Kesalinghubungan kesanggupan kerajaan mentadbir urus negara secara dedikasi serta bijaksana, lantas digarap dengan kesetiaan rakyat untuk sanggup mendisiplinkan diri dalam mengutilasikan hak-hak mereka merupakan kunci yang menentukan masa depan politik semasa negara. Justeru itu mengambil iktibar dari sisi sejarah pengorbanan pemimpin Parti Perikatan dan Suruhanjaya Reid dalam menggapai kemerdekaan, maka kematangan dalam berpolitik tidak akan memberi kewajaran sebenar dalam konteks demokratisasi masyarakat sivil, tanpa peranan rakyat sebagai suara dominan mencorakkan kerajaan pemerintah dan hala tuju negara. Mendambakan sebuah negara harmoni, berdaya saing secara pro aktif disulami perpaduan yang mantap antara kaum, maka syarat utama yang perlu dihormati adalah setiap dari rakyat Malaysia dengan bersifat bertanggungjawab harus bijak menggunakan dan melindungi hak mereka seterusnya diimbangi oleh undang-undang yang telus demi kepentingan negara.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan Erudites Knowledge Unlimited (EKU) (Kod Geran: TLS2010)

Rujukan

- Berita Harian. 1956-1957.
- CO 889/6, Verbatim report of Alliance hearing before the Commission, 27 September 1956.
- CO 1030/136 (7) Reid Commission Constitutional Documents. 1956.
- CO 1022/245, Savingram from Officer Administering the Government for the Federation of Malaya to Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya Monthly Political Report for May 1956, 8 Jun 1956.
- CO 889/6, ff 241-247, Federation of Malaya Constitutional Commission: hearing of the Alliance Party: Summary record (no. CC 2167) of the hearing in Kuala Lumpur on 27 September, 9 October 1956.
- CO 889/6, ff 219-239, Political testament of the Alliance: Memorandum by Tunku Abdul Rahman for the Reid Commission. Appendix: 'Fundamental Rights'. 25 September 1956.
- CO 1030/438, Representations Made on New Constitution of Federation of Malaya, Federation of Malaya to SS/CO, 13 May 1956.
- CO1030/522, Report of the Constitutional Commission Federation of Malaya, 36/49/09.
- CO 1030/496, No. 1, Federation of Malaya Constitutional Talks': CO Summary Record FMI (57)1 of the first plenary session held in Church House on 13 May, 13 May 1957.
- Carr, E.H. (1962). What is History? New York: Alfred A. Knopf.
- Collingwood, R.G. (1993). The Idea of History. Oxford University Press.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus dan Budi Anto Mohd. Tamring. (2015). Eksplorasi Hubungan Etnik. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Federation of Malaya, Proceeding of Federal Legislative Council, (second Session), October 1956 to August 1957.
- Federation of Malaya. (1957). Report of the Constitutional Commission. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Fernando, Joseph M. (2002). The Making of the Malayan Constitution. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Fikiran Rakyat. 1957.
- Gungwu, W. (1968). The Use of History. Athens: Ohio Center for International Studies.
- Heng Pek Khoon. (1988). Chinese Politics in Malaysia. Singapore: Oxford University Press.
- Ibrahim Mahmood. (1981). Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu: Suatu Penyingkapan Kembali Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu Menuju Kemerdekaan. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kreiger, L. (1977). Ranke: The Meaning of History. Chicago: University of Chicago Press.
- Malaya Merdeka. 1956.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu dan Budi Anto Mohd Tamring. (2011). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa. Puchong: Penerbit Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa. (2020). Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- PH/A/008/18, MCA Files. The Alliance Second Working Party on Constitutional Problems met on 16 July, 19 July, 24 July, 30 July and 3 August 1956.
- Ramlah Adam. (1992). Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan. Kuala Lumpur: DBP.
- Ramlah Adam. (1994). Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra. Kuala Lumpur: DBP.
- Ramlah Adam. (1996). Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik. Kuala Lumpur: DBP.
- Ramlah Adam. (1997). Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu di dalam Kemerdekaan 1957, dalam Norazit Selat, editor, Ekonomi dan Politik Melayu. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Report of the Federation of Malaya Constitutional Conference Held in London in January and February 1956.

Rowse, A.L. (1963). *The Use of History*. London: Hodder & Stoughton.

Sugiyono. (2009). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta Arikunto.

SP 28/A/9-PAS, Surat Persendirian Hassan Adli 1955-1958, Surat Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Agung PAS.

SP 28/A/18, Surat Persendirian Hassan Adli, Kongres PAS 1962-1964, Memorandum Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) kepada Suruhanjaya Bebas.

SP45/1029, Minutes of MCA ad-hoc Political Sub-Committee Meeting, 5 April 1957, Tan Siew Sin Papers, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

UMNO/SUA, 154/56, Alliance 1956.

UMNO/SUA 10/61, Minutes of Alliance ad-hoc Political Sub-committee Meeting, 14 March 1957.

UMNO/SUA 154/56, Alliance ad-hoc Political Sub-Committee Meeting, 2 April 1957.

UMNO/SUA 154/156, Minutes of Alliance ad-hoc Political Sub-committee Meeting, 2 April 1957.

UMNO/SUA 154/56, Minutes of Alliance National Council Meeting, 5 Mei 1957.

UMNO/SUA 28A/1957, Testamen Amanah Politik Perikatan, Cadangan-cadangan Penyata Reid dan Syor Pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957.

Tan, T.H. (1957). *The Struggle of the Alliance for the Independence of the Federation of Malaya, Merdeka Convention, Papers and Documents*. London.

The Straits Times. 1956-1957.

Vorys, Karl Von. (1975). *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.